

Miliki ijazah ketika bekerja

■ Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM tawar program untuk eksekutif

Oleh Rosyahaida Abdullah
rosyahaida@hmetro.com.my

DALAM usaha merealisasikan konsep pembelajaran sepanjang hayat seperti mana diwarwarkan kerajaan, Unit Program Eksekutif, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), Universiti Putra Malaysia (UPM) diwujudkan dengan menawarkan program ijazah untuk eksekutif sejak 1997.

Program disediakan menerusi unit berkenaan membuka peluang kepada golongan bekerja untuk memantapkan tahap pendidikan dan pengetahuan mereka, sekali gus meningkatkan kredibiliti dalam bidang kerjaya masing-masing.

Tiga program utama yang ditawarkan Unit Program Eksekutif adalah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (BPP), Sarjana Muda Perakaunan (BP) dan Sarjana Muda Ekonomi (BE).

Semuanya mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Bagi program BPP, terdapat lapan pilihan bidang pengkhususan meliputi Pemasaran, Pengurusan Sumber Manusia, Kewangan, Perniagaan Antarabangsa, Keusahawanan, Undang-Undang Perniagaan, Pengurusan Hospitaliti dan Rekreasi serta Pengurusan Am.

Program BP pula digubal mengikut bidang pengajian berkaitan sektor perniagaan, perbankan dan perkhidmatan awam.

Ia adalah program profesional yang diiktiraf Institut Akauntan Malaysia

(MIA) dan kerajaan di bawah Jadual 1, Akta Perakuan 1967.

Manakala program BE dibentuk dengan objektif utama untuk melahirkan tenaga kerja terlatih dan berkualiti dalam bidang ekonomi ke arah memenuhi keperluan pembangunan dan kemajuan negara.

Ia menawarkan tujuh bidang pengkhususan iaitu Ekonomi Kewangan, Perdagangan dan Kewangan Antarabangsa; Ekonomi Perniagaan; Pembiayaan Awam; Ekonomi Pembangunan; Ekonomi Perindustrian serta Ekonomi Sumber dan Alam Sekitar.

Program Eksekutif FEP menggunakan sistem trimester iaitu merangkumi tiga semester dalam satu tahun akademik meliputi Julai, November dan Mac dan setiap semester mengandungi 17 minggu.

Strategi dan kaedah pengajaran program menekankan perbincangan interaktif, kerja berkumpulan, kajian kes, penyelesaian masalah dan latihan simulasi, malah proses pembelajaran lebih menjurus kepada aplikasi konsep serta teori yang dikaitkan de-

ngan pengalaman sebenar penuntut dalam kerjaya masing-masing, selain khidmat nasihat daripada pensyarah sendiri.

Selaras golongan sasaran utama program ini iaitu golongan bekerja, kuliah diadakan selepas waktu bekerja bermula jam 6.30 petang, malah terdapat juga kuliah hujung minggu bagi program BPP pada Sabtu dan Ahad. Semua kuliah dikendalikan di FEP, UPM Serdang.

Yuran pendaftaran bagi mana-mana satu dari program ini hanya RM447 dengan pengajian antara RM17,000 hingga RM20,000 membabitkan 10 hingga 12 semester.

Pengambilan bagi program ini dilaksanakan setiap tahun pada Julai, namun permohonan dibuka sepanjang tahun dan jika terdapat permintaan, pengambilan dibuka pada Mac dan November.

Calon berminat boleh memohon secara atas talian.

Untuk maklumat lanjut mengenai program ijazah bagi eksekutif di UPM, sila lawati laman web www.exec.upm.edu.my atau hubungi talian 03-89467779/7780.

FAKTA

Yuran pendaftaran bagi mana-mana satu program ini hanya RM447



PELAJAR Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM menggunakan khidmat bas untuk ke dewan kuliah.



BEKAS pelajar Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM selepas majlis Hi-Tea Alumni di Palm Garden Hotel, Putrajaya, baru-baru ini.

Program Ijazah Untuk EKSEKUTIF

Peluang Belajar Sambil Bekerja

Unit Program Eksekutif
Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERAKTI

**PENGAMBILAN
PELAJAR BAHARU**
SESI 2012/2013

Pembelajaran Sepanjang Hayat

BACELOR PENTADBIRAN PERNIAGAAN

(Hari Biasa & Hujung Minggu)
Tempoh Pengajian 4 tahun
(10 trimester)*

BACELOR PERAKAUNAN**

Tempoh Pengajian 4 tahun
(12 trimester)*

BACELOR EKONOMI

Tempoh Pengajian 4 tahun
(10 trimester)*

Semua Program Diiktiraf oleh JPA

* Bergantung kepada bilangan kredit yang dikecualikan

** Diiktiraf oleh Malaysian Institute of Accountants (MIA)

Sila layari laman web kami
www.exec.upm.edu.my

Anda boleh memohon pembiayaan melalui KWSP atau dari PTPN, MARA, Institusi kewangan dan agensi lain (sekiranya memenuhi syarat).

SYARAT KEMASUKAN

1. Mempunyai pengalaman bekerja tidak kurang dari 2 tahun, **DAN**
2. Lulus SPM dengan kepujian dalam mata pelajaran; Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu serta lulus dalam Bahasa Inggeris dan Matematik (kepujian Matematik untuk Bachelo Perakaunan), **DAN**
3. Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran; Pengajian Am / Kertas Am, Gred C dalam satu mata pelajaran lain dan Gred C+ dalam mana-mana satu mata pelajaran berikut; Matematik / Ekonomi / Geografi / Perakaunan / Pengajian Perniagaan, **ATAU**
4. Mempunyai diploma dalam bidang yang sesuai atau kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat UPM, **ATAU**
5. Kelulusan Matrikulasi yang diiktiraf oleh UPM, **DAN**
6. Telah mendapat keputusan Malaysian University English Test (MUET).

Borang permohonan dan maklumat program boleh dimuat turun dari laman web <http://www.exec.upm.edu.my>. Sila kirimkan borang permohonan yang telah lengkap diisi melalui pos kepada alamat di bawah atau serahkan di kaunter pejabat Unit Program Eksekutif.

Ketua
Unit Program Eksekutif
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Tel : 03 - 8946 7779 / 8656 7008

Faks : 03 - 8656 6175

Emel : econ_exec@putra.upm.edu.my

TARIKH AKHIR PERMOHONAN : 15 FEBRUARI 2013